

U 8582 DEB  
 MAHATHIR - PAS

1984

(I)

KUALA LUMPUR, 12 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INIMENGULANGI JAMINANNYA PAHAWA KERAJAAN TIDAK AKAN MENGHARAMKAN MANA-MANA PARTI POLITIK YANG MENGGUNAKAN PERKATAAN +ISLAM+PADA NAMANYA.

PERDANA MENTERI MEMBUAT PENJELASAN BAHAWA PUKANLAH KERANA NAMA +ISLAM+ITU YANG MENIMBULKAN MASALAH TETAPI MASALAH-MASALAH TIMBUL DISEBABKANOLEHPARA PEMINPIN YANG MENYALAHGUNAKAN ISLAM BAGI KEPENTINGAN DIRI MEREKA SENDIRI.

+BUKAN KERANA NAMA (ISLAM) ITU YANG MENJADI MASALAH, TETAPI NASALAH-MASALAH TIMBUL DISEBABKANOLEHORANG YANG MENYALAHGUNAKAN ISLAM ITU SENDIRI,+KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SEKEMBALINYA DARI MALDIVES SETELAH MENGHADIRI PEMBUKAAN PUSAT ISLAM DAN MENYAKSIKAN PERAYAAN HARI KEBANGSAAN REPUBLIK PULAU TERSEBUT.

DR. MAHATHIR MENGULAS SERUAN DARIPADA BERBAGAI-BAGAI PIHAK YANG MENGGESA KERAJAAN MENGHARAMKAN PAS DARIPADA MENGGUNAKAN PERKATAAN +ISLAM+PADA NAMANYA EKORAN DARIPADA PEMEENTANGAN KERTAS PUTIH DI PARLIMEN JUMAAT LALU.

KERTAS PUTIH ITU NENYEBUT PAS SEBAGAI SALAH SEBUAH PERTUBUHAN YANG TERBABIT DALAM TINDAKAN-TINDAKAN EKSTREMIS.

DR. MAHATHIR PENCAYA BAHWA BUKANLAH NAMA SESEBUAH PARTI ITU YANG NESTI DISALAHKAN KERANA SESUATU PERBUATAN YANG SALAH TETAPI SESEORANG HARUSLAH MELIHAT KEPADA PERSONALITI YANG TERBABIT DAN BERKATA BAHAWA PERTUKARAN NAMA TIDAK AKAN DAPAT MENYELESAIKAN MASALAH-MASALAH YANG BERBANGKIT.-LAGI

2014MST 12 11 84

D399

U 8583. DEB

MAHATHIR. - PAS 2 KUALA LUMPUR

+PERTUKARAN NAMA TIDAK MEMBAWABANYAK PERBEZAAN... JIKA SESEORANG MEMPUYAI +TABIAT BURUK... KALAU TUKAR NAMA BUBUH NAMA SYURGA SEKALIPUN, KALAU TABIAT MACAM NERAKA, APA GUNANYA.+

+OLEH ITU SESEORANG MESTILAH MELIHAT KEPADA ORANG-ORANG YANG TERLIBAT DALAM SESEBUAH PARTI POLITIK DAN BUKAN KEPADA 'NAMANYA SEMATA-MATA,+ TAMBAH PERDANA MENTERI.

SEBELUM INI, ADA DESAKAN TERMASUK DARIPADA PARA PEMIMPIN POLITIK YANG MEMINTA KERAJAAN SUPAYA MENGHARAMKAN PAS MENGGUNAKAN PERKATAAN +ISLAM+PADA NAMANYA TETAPI MAJLIS TERTINGGI UMNO DALAM MESYUARAT TERBARUNYA TELAH MEMBUAT KEPUTUSAN BAHWA PARTI-PARTI POLITIK DIBENAR

TERUS MENGGUNAKAN NAMA ISLAM.

MENGENAI CADANGAN DAP SUPAYA KERTAS PUTIH ITU DIBAHASKAN DI PARLIMEN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SETIAP ORANG MEMPUYAI PELUANG UNTUK +BERCAKAP APA-APA DALAM PARLIMEN.

+SAYA KENAL ANGGOTA PARLIMEN TERUTAMA ANGGOTA-ANGGOTA PEMBANGKANG YANG +BERCAKAP BANYAK BUKAN SAHAJA MENGENAI TAJUK YANG PERLU DIBAHAS TETAPI BERMACAM-MACAM LAGI PERKARA LAIN YANG TIDAK KENA MENGENA.+ - - BERNAMA.

2024MST 12 11 84